

Bagaimana CPF LIFE Berfungsi



BAGAIMANA MENGGUNAKAN BUKU INI

Sila baca buku maklumat 'Panduan untuk CPF LIFE' untuk mendapat satu gambaran keseluruhan skim ini sebelum membaca buku ini. Buku ini akan membantu anda memahami dengan terperinci bagaimana CPF LIFE berfungsi. Topik-topik utama disenaraikan di bawah tajuk berikut. Maklumat lanjut boleh didapati di www.cpf.gov.sg.

Muka Surat

1.	Pengenalan	4
2.	Bagaimana CPF LIFE berfungsi	
2.1	Apabila saya menyertai CPF LIFE	
	• Apakah yang terjadi apabila saya menyertainya?	5
	• Adakah simpanan saya yang telah digunakan untuk CPF LIFE masih terus memperolehi faedah CPF?	11
	• Bolehkah saya menukar pelan saya selepas penyertaan saya?	11
	• Bolehkah saya menarik diri selepas penyertaan saya?	11
	• Adakah saya masih boleh mencagarkan harta tanah saya?	12
2.2	Apabila saya mencapai Umur (DDA) ¹ saya	
	• Apa yang terjadi 1-2 bulan sebelum DDA saya?	13
	• Apa yang terjadi dari DDA saya?	13
	• Adakah pembayaran bulanan itu tetap?	14
	• Apakah yang terjadi jika saya menerima wang-wang tambahan ke dalam Akaun Persaraan (RA) saya selepas DDA saya?	14
2.3	Apabila saya meninggal dunia	
	• Apakah yang terjadi selepas kematian?	15
	• Apa itu pewarisan?	15

¹ Sila rujuk kepada lampiran untuk makna Umur Pengeluaran ((DDA).

3.	Soalan-soalan lain yang anda mungkin ada	
	• Bagaimanakah saya mendapat pembayaran yang lebih tinggi?	17
	• Jika saya menyertai CPF LIFE dengan kurang dari \$20,000, bolehkah saya menambahkannya ke \$20,000 untuk menerima L-Bonus yang sepenuhnya?	17
	• Apakah yang harus saya lakukan jika saya tidak bersetuju dengan jumlah LIFE-Bonus (L-Bonus) yang saya terima?	18
Lampiran	Makna istilah yang digunakan dalam CPF LIFE	19

PENGENALAN

Skim Pendapatan Sepanjang Hayat CPF Bagi Warga Tua (CPF LIFE) ialah satu skim yang akan memberikan anda pembayaran bulanan bermula dari Umur Pengeluaran (DDA) anda, untuk sepanjang hayat anda.

Ia memperbaiki Skim Jumlah Minimum (MSS) yang ada sekarang di mana pembayaran hanya bertahan selama kira-kira 20 tahun.

BAGAIMANA CPF LIFE BERFUNGSI

Pelan CPF LIFE mengandungi dua bahagian – simpanan Akaun Persaraan (RA) anda dan satu anuiti. Pembayaran akan bermula pada DDA² anda.

2.1 Apabila saya menyertai CPF LIFE

Q: Apakah yang terjadi apabila saya menyertainya?

A: Apabila anda menyertai CPF LIFE, kesemua simpanan di dalam RA anda akan digunakan untuk menyertai skim ini. Sebahagian atau kesemua simpanan RA yang diketepikan akan digunakan untuk membayar satu premium untuk anuiti (yang dipanggil premium anuiti). Pembayaran anuiti akan bermula pada pelbagai umur, bergantung kepada pelan LIFE yang telah anda pilih.

Lihat jadual di bawah:

	Pelan Asas LIFE	Pelan Seimbang LIFE (pelan lalai ³)	Pelan Tambahan LIFE	Pelan Pendapatan LIFE
Umur Permulaan Pembayaran Anuiti	90	80	DDA	DDA

Tidak kira apa pelan LIFE anda, jumlah yang tinggal di dalam RA anda dan anuiti akan memberikan anda pembayaran bulanan sepanjang hayat bermula dari DDA anda.

Pembayaran akan dibuat terlebih dahulu dari jumlah yang tinggal di dalam RA anda dan kemudian dari anuiti anda. Pembayaran bulanan dari RA anda dan dari anuiti adalah hampir sama⁴.

² Jika anda menyertai selepas DDA, pembayaran akan bermula pada bulan seterusnya.

³ Pelan lalai ialah untuk para ahli yang dimasukkan secara automatik di bawah skim ini dari 2013, jika mereka tidak memilih satu pelan.

⁴ Mungkin terdapat pengecualian seperti jika anda membuat cagaran harta tanah dan mengeluarkan sebahagian dari simpanan RA anda. Lihat bahagian tentang "Membuat Cagaran Harta Tanah" di bawah.


Dari bilakah bermulanya pembayaran bulanan	Pelan Asas LIFE	Pelan Seimbang LIFE (pelan lalai)	Pelan Tambahan LIFE	Pelan Pendapatan LIFE
CPF LIFE	Dari DDA untuk sepanjang hayat anda			
(1) RA	Dari DDA sehingga satu bulan sebelum anda mencapai umur 90 tahun	Dari DDA sehingga satu bulan sebelum anda mencapai umur 80 tahun	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
(2) Annuity	Dari umur 90 tahun untuk sepanjang hayat anda	Dari umur 80 tahun untuk sepanjang hayat anda	Dari DDA untuk sepanjang hayat anda	Dari DDA untuk sepanjang hayat anda

Untuk memastikan yang pembayaran bulanan dari RA anda dan anuiti adalah hampir sama, Lembaga ini akan mengira premium anuiti yang perlu dipotong dari RA anda berdasarkan pelan LIFE yang telah anda pilih. Jantina dan umur anda apabila anda menyertai skim ini akan mempengaruhi premium anuiti. Anda akan dimaklumkan tentang jumlah sebenar premium anuiti yang dipotong dari RA anda apabila pelan LIFE anda dikeluarkan.


Contoh 1: Jika anda seorang lelaki berumur 55 tahun yang memilih Pelan Seimbang LIFE, kira-kira 70% dari simpanan RA anda akan kekal di dalam RA anda sementara 30% akan dipotong untuk membeli anuiti. Jumlah anggaran⁵ untuk setiap pelan LIFE adalah ditunjukkan di bawah:

	Pelan Asas LIFE	Pelan Seimbang LIFE (pelan lalai)	Pelan Tambahan LIFE	Pelan Pendapatan LIFE
Simpanan RA yang tinggal	90%	70%	0%	0%
Premium Anuiti	10%	30%	100%	100%

Ini ditunjukkan dalam gambar di bawah:




⁵ Lembaga CPF akan memaklumkan anda premium sebenar selepas polisi CPF LIFE anda dikeluarkan.




Contoh 2: Jika anda seorang lelaki berumur 70 tahun yang memilih Pelan Seimbang LIFE, kira-kira 55% dari simpanan RA anda akan kekal di dalam RA anda sementara 45% akan dipotong untuk membeli anuiti. Jumlah anggaran untuk setiap pelan LIFE adalah ditunjukkan di bawah:

	Pelan Asas LIFE	Pelan Seimbang LIFE (pelan lalai)	Pelan Tambahan LIFE	Pelan Pendapatan LIFE
Simpanan RA yang tinggal	85%	55%	0%	0%
Premium Anuiti	15%	45%	100%	100%

Ini ditunjukkan dalam gambar di bawah:





Oleh yang demikian, jika anda memilih Pelan Tambahan LIFE atau Pelan Pendapatan LIFE, anda menggunakan kesemua simpanan RA anda untuk membeli anuiti.

Q: Adakah simpanan saya yang digunakan untuk CPF LIFE masih terus memperolehi faedah CPF?

A: Ya. Faedah yang diperolehi dari simpanan RA anda masih akan terus dibayar ke dalam RA. Faedah yang diperolehi dari premium anuiti akan dibayar ke dalam Tabung Pendapatan Sepanjang Hayat dan dikumpulkan bersama faedah yang diperolehi dari premium anuiti yang dibayar oleh peserta CPF LIFE yang lain untuk memberikan pembayaran sepanjang hayat di bawah skim ini.

Sebagai tambahan, anda akan memperolehi faedah tambahan sebanyak 1% pada \$60,000 pertama gabungan baki-baki CPF⁶ anda termasuk premium anuiti (tolak pembayaran anuiti) yang telah dipotong dari RA anda. Faedah tambahan ini akan dibayar ke dalam Akaun Persaraan⁷ anda.

Q: Bolehkah saya menukar pelan saya selepas penyertaan saya?

A: Tidak, anda tidak dibenarkan menukar pelan anda selepas anda menyertai skim ini. Sebagai seorang peserta CPF LIFE, menukar pelan anda akan menjejaskan ahli-ahli lain yang sudah berada di dalam skim ini.

Q: Bolehkah saya menarik diri selepas penyertaan saya?

A: Tidak, kecuali atas sebab-sebab berikut:

- a) Sebab perubahan atau jangka hayat yang dipendekkan;
- b) Meninggalkan Singapura dan Semenanjung Malaysia buat selamanya tanpa niat untuk kembali semula ke mana-mana dua negara tersebut.

⁶ Dengan sehingga \$20,000 dari Akaun Biasa anda.

⁷ Kecuali jika ia diperolehi dari baki Medisave, di mana ia akan dimasukkan ke dalam Akaun Medisave.

Jika anda berada dalam salah satu dari 3 pelan CPF LIFE dengan ciri bayaran balik, anda akan menerima bayaran balik⁸ yang telah didiskaunkan dari simpanan yang telah digunakan untuk menyertai CPF LIFE tolak sebarang pembayaran bulanan yang telah anda terima sebelum menarik diri.

Walau bagaimanapun, jika anda berada di dalam Pelan Pendapatan LIFE yang merupakan pelan tanpa bayaran balik, anda tidak akan menerima sebarang bayaran balik jika anda menarik diri dari skim tersebut.

Q: Adakah saya masih boleh mencagarkan harta tanah saya?

A: Peraturan CPF yang ada sekarang membenarkan anda membuat cagaran harta tanah dan mengeluarkan sebahagian dari simpanan RA anda. Jika anda telah memilih Pelan Seimbang LIFE atau Pelan Asas LIFE, anda mungkin mempunyai simpanan RA yang mencukupi untuk membuat cagaran harta tanah dan mengeluarkan sebahagian dari simpanan RA anda. Sila ambil perhatian bahawa pembayaran bulanan dari RA anda akan dikurangkan⁹ dan dan RA anda mungkin dihabiskan sebelum umur permulaan pembayaran anuiti.

Jika anda berada dalam Pelan Tambahan LIFE atau Pelan Pendapatan LIFE, kesemua simpanan RA anda akan digunakan untuk premium anuiti. Oleh yang demikian, anda tidak akan dapat mengeluarkan sebarang simpanan RA, walaupun anda membuat cagaran harta tanah.

⁸ Tidak ada bayaran balik jika simpanan yang telah digunakan untuk menyertai CPF LIFE telah dibayar sepenuhnya dalam pembayaran bulanan.

⁹ Walau bagaimanapun, pembayaran bulanan dari anuiti anda, yang bermula dari umur permulaan pembayaran anuiti, tidak akan terjejas.

2.2 APABILA SAYA MENCAPAI UMUR PENGELUARAN SAYA (DDA)¹⁰

Q: Apa yang terjadi 1-2 bulan sebelum DDA saya?

A: Dari ketika anda menyertai CPF LIFE sehingga anda mencapai DDA anda, akaun RA anda akan dimasukkan dengan faedah tambahan sebanyak 1% dari faedah yang didapati dari \$60,000 pertama baki-baki gabungan CPF anda¹¹ (termasuk simpanan yang dipotong sebagai premium anuiti apabila anda menyertai CPF LIFE. Wang-wang tambahan mungkin juga dimasukkan ke dalam RA anda yang berasal dari tokokan atau pembayaran balik yang disebabkan oleh penjualan harta tanah anda.

Kira-kira 1-2 bulan sebelum DDA anda, Lembaga CPF akan memotong satu lagi premium anuiti dari wang-wang tambahan untuk Pelan LIFE pilihan anda.¹²

Ini akan dilakukan secara automatik, dan anda akan diberitahu kemudian tentang pembayaran bulanan sebenar yang akan anda terima dari DDA anda.

Q: Apa yang terjadi dari DDA saya?

A: Anda akan mula menerima pembayaran bulanan sepanjang hayat dari RA dan/atau anuiti anda bergantung kepada pelan LIFE yang telah anda pilih. Pembayaran bulanan akan dimasukkan ke dalam akaun bank anda melalui GIRO (IBG) antara bank pada 7hb setiap bulan¹³.

¹⁰ Bahagian ini hanya berkenan jika anda menyertai skim ini sebelum DDA anda.

¹¹ Sehingga \$20,000 akan berasal dari Akaun Biasa (OA) anda.

¹² Wang-wang tambahan akan dibahagikan dalam bahagian yang serupa sepertimana simpanan RA asal anda dibahagikan. Jumlah ini akan mengandungi mana-mana aliran masuk yang baru kepada RA anda sebelum DDA.

¹³ Jika IBG gagal atau anda tidak memberikan akaun bank, pembayaran akan dimasukkan ke dalam Akaun Biasa CPF anda yang anda boleh keluarkan di bawah peraturan pengeluaran CPF yang ada pada masa ini.

Faedah tambahan sebanyak 1% yang dimasukkan ke dalam RA anda selepas DDA anda akan dibayar kepada anda sebagai sebahagian dari pembayaran bulanan CPF LIFE anda selagi ia masih mengaut untung. Pembayaran dari pendapatan faedah tambahan sebanyak 1% akan berkurangan dengan peredaran masa apabila baki-baki gabungan CPF anda (termasuk simpanan yang dipotong sebagai anuiti premium) jatuh di bawah \$60,000.

Q: Adakah pembayaran bulanan ini tetap?

A: Tidak, pembayaran bulanan boleh diselaraskan setiap tahun untuk mengambil kira faktor-faktor seperti kadar faedah CPF dan jumlah kematian. Penyelarasan biasanya kecil supaya pembayaran adalah stabil.

Anda akan dimaklumkan 2 hingga 3 bulan sebelumnya jika terdapat sebarang penyelarasan.

Q: Apakah yang terjadi jika saya menerima wang-wang tambahan kepada Akaun Persaraan (RA) saya selepas DDA saya?

A: Jika anda menerima wang-wang tambahan kepada RA anda selepas DDA anda (cth. dari tokokan atau bayaran balik harta tanah), ia akan dibayar sebagai sebahagian dari pembayaran bulanan RA anda. Ini mungkin menyebabkan wujudnya perbezaan di antara pembayaran bulanan anda dari RA anda dan yang dari anuiti anda.

Jika anda ingin membeli satu lagi anuiti supaya pembayaran bulanan dari RA anda dan anuiti adalah hampir sama, anda mesti memaklumkan Lembaga CPF supaya kami boleh menghantar kamu Borang LID-APP (1A) – Permohonan untuk Anuiti Tambahan di bawah CPF LIFE. Anda juga boleh muat turun borang ini di www.cpf.gov.sg dan hantarkan borong yang telah diisi kepada kami.

2.3 APABILA SAYA MENINGGAL DUNIA

Q: Apa yang akan berlaku selepas kematian?

A: Pembayaran CPF LIFE akan berhenti selepas seseorang itu meninggal dunia¹⁴.

Jika anda berada dalam mana-mana 3 pelan LIFE, seperti Pelan Asas LIFE, Seimbang LIFE dan Tambahan LIFE, ahli waris anda boleh menerima pewarisan.

Walau bagaimanapun, jika anda berada dalam Pelan Pendapatan LIFE, ahli waris anda tidak akan menerima sebarang pewarisan.

Q: Apa itu pewarisan?

A: Pelan Asas LIFE, Seimbang LIFE dan Tambahan LIFE membayar balik premium anuiti yang tidak digunakan selepas kematian¹⁵. Di bawah mana-mana pelan ini, premium penuh akan dibayar balik kepada anda jika anda meninggal dunia sebelum sebarang pembayaran telah dibuat dari anuiti anda. Jika anda meninggal dunia selepas pembayaran anuiti bulanan telah bermula, premium yang belum digunakan akan dibayar balik. Jumlah yang dibayar balik ini dikenali sebagai pewarisan.

Sebarang pembayaran balik akan dibuat kepada akaun CPF anda dan dibayar bersama dengan simpanan CPF anda yang selebihnya kepada calon anda. Jika anda tidak mempunyai pencalonan CPF yang sah, simpanan ini akan dibayar kepada Pemegang Amanah Raya untuk pengagihan berdasarkan undang-undang kematian tanpa wasiat.

¹⁴ Anda mungkin diminta untuk memberikan bukti yang anda masih hidup dari semasa ke semasa. Jika anda tidak berbuat demikian di dalam tempoh masa yang diberikan, pembayaran bulanan akan dihentikan. Pembayaran akan diteruskan setelah bukti yang anda masih hidup dipersembahkan.

¹⁵ Premium anuiti yang belum digunakan ialah premium anuiti yang telah dibayar tolak pembayaran bulanan yang anda telah terima dari anuiti.

Pelan Pendapatan LIFE ialah satu-satunya pelan yang **tidak** memberikan bayaran balik premium anuiti walaupun jika seorang ahli meninggal dunia sebelum sebarang pembayaran dibuat.

	Pelan Asas LIFE	Pelan Seimbang LIFE (pelan lalai)	Pelan Tambahan LIFE	Pelan Pendapatan LIFE
Bagaimanakah pewarisan dibandingkan di bawah pelan-pelan ini?	Tinggi	Sederhana	Rendah	Tiada pewarisan ¹⁶
Berapa pewartisankah yang akan saya tinggalkan untuk ahli waris saya apabila saya meninggal dunia?	Pewarisan = Baki di dalam RA anda, jika ada + premium anuiti yang belum digunakan.		Pewarisan = Premium anuiti yang belum digunakan.	Tiada pewarisan. Ini ialah satu kekurangan memilih pelan yang mempunyai pembayaran yang paling tinggi di antara keempat-empat pelan yang ada.

¹⁶ Tiada pewarisan bermaksud bahawa pelan ini **tidak mempunyai sebarang bayaran balik**, yang akan dibayar kepada ahli waris selepas kematian, walaupun pembayaran bulanan belum dimulakan

SOALAN-SOALAN LAIN YANG ANDA MUNGKIN ADA

Q: Bagaimanakah saya mendapat pembayaran yang lebih tinggi?

A: Jika anda ingin mendapat pembayaran yang lebih tinggi pada waktu persaraan anda, anda boleh membuat tokokan tunai dan/atau CPF ke dalam RA anda sehingga MS lazim.

Sila rujuk kepada www.cpf.gov.sg untuk maklumat lanjut tentang MS lazim dan cara-cara untuk menokok RA anda.

Q: Jika saya menyertai CPF LIFE dengan kurang dari \$20,000, bolehkah saya menambahkannya sehingga \$20,000 kemudian untuk mendapatkan L-Bonus yang penuh?

A: Ya, tetapi anda mesti menambahkan RA anda dan masukkan jumlah untuk CPF LIFE di dalam tempoh kelayakan L-Bonus yang berkenaan dengan anda:

Siapa	Bila
Jika anda dilahirkan sebelum 1955	Sebelum 31 Disember 2010
Jika anda dilahirkan di antara tahun 1955 ke 1962	Sebelum berumur 56 tahun

AV & AI pada waktu anda mula menyertai CPF LIFE akan digunakan untuk mengetahui L-Bonus sebenar yang anda akan terima.

Q: Apa yang harus saya lakukan jika saya tidak bersetuju dengan jumlah LIFE Bonus (L-Bonus) yang telah saya terima?

A: Anda harus memaklumkan Lembaga CPF dengan segera supaya kejadian ini dapat disiasat dan diperbetulkan jika perlu.

Jika L-Bonus sebenar adalah lebih tinggi dari jumlah yang diterima, baki selebihnya akan di masukkan ke dalam RA anda.

Sebaliknya, jika L-Bonus sebenar adalah lebih rendah dari jumlah yang diterima, baki selebihnya akan dikembalikan kepada Pemerintah.

LAMPIRAN: MAKNA ISTILAH YANG DIGUNAKAN DALAM CPF LIFE

Pewarisan	Wang yang anda tinggalkan kepada ahli waris anda setelah kematian anda. Ia mengandungi simpanan anda yang telah digunakan untuk menyertai CPF LIFE tolak pembayaran bulanan yang sudah diterima.												
Ahli Waris	Orang yang telah dicalonkan oleh anda untuk menerima simpanan CPF anda setelah kematian anda atau waris terdekat anda berdasarkan undang-undang kematian tanpa wasiat jika anda tidak mempunyai pencalonan CPF.												
Umur Pengeluaran (DDA)	<p>Umur di mana anda mula menerima pembayaran bulanan anda dari Akaun Persaraan anda.</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: center;">Jika anda dilahirkan pada</td> <td style="text-align: center;">1943 atau lebih awal</td> <td style="text-align: center;">1944 – 1949</td> <td style="text-align: center;">1950 – 1951</td> <td style="text-align: center;">1952 – 1953</td> <td style="text-align: center;">1954 atau lebih lewat</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">DDA</td> <td style="text-align: center;">60</td> <td style="text-align: center;">62</td> <td style="text-align: center;">63</td> <td style="text-align: center;">64</td> <td style="text-align: center;">65</td> </tr> </table>	Jika anda dilahirkan pada	1943 atau lebih awal	1944 – 1949	1950 – 1951	1952 – 1953	1954 atau lebih lewat	DDA	60	62	63	64	65
Jika anda dilahirkan pada	1943 atau lebih awal	1944 – 1949	1950 – 1951	1952 – 1953	1954 atau lebih lewat								
DDA	60	62	63	64	65								
Faedah Tambahan (EI)	\$60,000 pertama baki-baki gabungan CPF anda (termasuk simpanan yang telah digunakan untuk menyertai CPF LIFE), dengan sehingga \$20,000 dari Akaun Biasa (OA) anda, memperolehi faedah tambahan sebanyak 1%. Faedah tambahan yang diperolehi dimasukkan ke dalam Akaun Persaraan anda (kecuali yang diperolehi atas baki Medisave anda di mana ia adalah dimasukkan ke dalam Akaun Medisave anda).												

Jumlah Minimum (MS)	Jumlah yang anda dikehendaki untuk ketepikan pada umur 55 tahun untuk keperluan persaraan di dalam Akaun Persaraan anda (RA). Ia boleh terdiri dari wang tunai, atau sebahagian tunai dan sebahagian cagaran harta tanah, dengan cagaran harta tanah merangkumi sehingga 50% dari MS.
Cagaran Harta Tanah	Jumlah yang dipegang dari harta tanah anda sebagai ganti untuk Jumlah Minimum anda. Sila rujuk kepada laman web Majlis ini untuk maklumat mengenai cagaran harta tanah.
Akaun Persaraan (RA)	Akaun yang ditubuhkan apabila anda mencapai umur 55 tahun untuk memenuhi keperluan pendapatan persaraan anda pada usia tua. Ia merupakan sejenis akaun simpanan individu.
Jumlah Kematian	Kemungkinan kematian pada pelbagai umur. Jika lebih ramai orang hidup lebih lama, pembayaran bulanan anda mungkin menjadi lebih rendah, dan begitu juga sebaliknya.

**Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cpf.gov.sg
Emel: cpf-life@cpf.gov.sg
Panggil Talian Penting CPF LIFE: 1800-227-1188 (dalam negara)
65-6227-1188 (luar negara)**

Nota:

Buku ini ialah untuk rujukan dan simpanan anda dan maklumat ini adalah betul seperti pada Mac 2010. Skim CPF LIFE adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Tabung Amanah Pekerja (Bab 36) dan undang-undang subsidiari yang dibuat di bawahnya dan sebarang pembedaannya, dan juga terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh Majlis ini dari semasa ke semasa.